

Pusat Perakaunan Profesional Diwujudkan Tingkatkan Bilangan Akauntan Bumiputera - Najib

Bernama

Jun 18, 2014

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Kerajaan akan mewujudkan sebuah pusat perakaunan profesional di Universiti Teknologi Mara (UiTM) bagi meningkatkan bilangan akauntan profesional Bumiputera, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

Beliau berkata pusat ini akan menawarkan empat bidang profesional perakaunan iaitu Institut Akauntan Bertauliah England dan Wales (ICAEW), Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA), Institut Akauntan Pengurusan Bertauliah (CIMA) dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA).

"Melalui program ini, kita menyasarkan untuk melonjakkan jumlah Bumiputera yang memegang pensijilan perakaunan profesional daripada hanya lapan peratus atau 1,554 Bumiputera pada masa ini kepada 25 peratus menjelang tahun 2020," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Ekonomi Bumiputera (MEB) bil. 6/2014 di Bangunan Parlimen, di sini.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Kewangan Kedua Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Abdul Wahid Omar dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Najib berkata jumlah pelajar Bumiputera yang lulus bidang perakaunan di peringkat universiti adalah 64 peratus atau 7,363 orang daripada 11,660 pelajar di seluruh negara.

Beliau juga berkata mesyuarat itu juga melihat cadangan untuk meminda Akta Akauntan 1967 untuk menggalakkan lebih ramai Bumiputera untuk mendapat kelulusan dalam bidang profesional perakaunan.

"Kita juga berbincang untuk mengkaji anomali yang wujud sekarang ini. Dalam kerajaan, mereka yang mempunyai ijazah kelulusan perakaunan mendapat gaji yang lebih daripada akauntan yang berkelayakan profesional.

"Oleh itu, ini tidak memberi insentif kepada mereka (yang berkelulusan ijazah) untuk mengambil persijilan perakaunan profesional yang ditawarkan," katanya.

Najib berharap langkah-langkah ini dapat memperbaiki keadaan ini dan yakin jumlah akauntan profesional Bumiputera dapat ditingkatkan dalam jangka waktu tertentu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1047275>